

# UTHM gondol dua anugerah Festival Keroncong Makum

BATU PAHAT - Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) berjaya meraih dua anugerah pada Festival Keroncong, Majlis Kebudayaan Universiti-universiti Malaysia (Makum) yang berakhir Ahad lalu.

Pegawai Kebudayaan Pusat Kokurikulum dan Sukan UTHM, Mohammad Sharin Haron berkata, UTHM berjaya meraih Anugerah Vokal Terbaik dan anugerah Khas Juri pada festival yang disertai sembilan universiti seluruh negara.

"Festival yang masuk kali ketiga penganjurannya di UTHM dan berlangsung selama tiga hari bermula 25 Februari lalu dirasmikan Naib Canselor UTHM Prof Datuk Dr Mohd Noh Dalimin," katanya kepada Sinar Harian.



■ UTHM meraih dua anugerah pada Festival Keroncong Makum.

Turut hadir, Pengurus Majlis Kebudayaan Universiti-Universiti Malaysia (Makum) merangkap Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Universiti Malaysia

Sarawak (Unimas) Prof Madya Mohd Fadzil Abdul Rahman.

"Kemenangan berkenaan adalah usaha berterusan UTHM dalam memelihara seni warisan

bangsa melalui Kelab Keroncong Senandung Rindu di bawah Kelab Warisan Universiti," katanya.

Difahamkan ada lima kategori yang dipertandingkan pada festival berkenaan iaitu kategori individu, berkumpulan, vokal terbaik, gubah lagu terbaik dan kategori khas juri.

"Universiti Sains Islam Malaysia (Usim) muncul sebagai juara kategori individu berkumpulan dan vokal terbaik," katanya.

Jelasnya, festival yang berlangsung setiap dua tahun sekali ini turut mendapat kerjasama Yayasan Warisan Negeri Johor.

Mohammad Sharin berkata, beliau berasa kesal berikutan penyertaan yang diterima daripada universiti kurang

memberangsangkan seterusnya memberikan impak yang kurang baik kepada festival yang dianjurkan.

"Festival yang diadakan ini adalah salah satu pendekatan yang diambil bagi menggalakkan lagi penyertaan mahasiswa terhadap aktiviti kesenian, namun sekiranya tiada kerjasama yang diberikan pasti matlamat berkenaan tidak dapat dicapai," katanya.

Menurutnya, festival berkenaan telah ditangguhkan sebanyak tiga kali memandangkan ada pertindihan tarikh bagi majlis tertentu seperti Hari Pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar 2011.

Harapan turut disandarkan kepada universiti supaya lebih prihatin kesenian keroncong.